

TARIKH : 28/3/2023  
SURAT KHABAR : Kosmo  
MUKA SURAT : 4



**ANWAR** tiba untuk lawatan rasmi sehari ke Kemboja di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh semalam.  
- PEJABAT PERDANA MENTERI

Kemboja selamatkan 287 mangsa penipuan pekerjaan

# Anwar ucap terima kasih kepada Hun Sen

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen atas usaha membantu 287 rakyat Malaysia yang terlibat sindiket penipuan pekerjaan di negara berkenaan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kemboja antara negara yang membantu kerajaan Malaysia dalam menyelesaikan isu itu.

“Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Kemboja kerana menjadi negara yang sangat membantu (Malaysia) dalam berdepan isu penipuan pekerjaan meskipun ada rakyat mereka yang terlibat.

“Tetapi, Kemboja sangat mem-

bantu untuk kita membawa pulang kembali 287 mangsa terlibat.

“Berdasarkan laporan diterima daripada rakan sejawat, Kemboja begitu menyerlah dalam memberikan sokongan penuh dan ia sangat bermakna buat 100 keluarga mangsa terlibat,” katanya pada sidang akhbar bersama Hun Sen di Kemboja semalam.

Pada sidang akhbar sama, Anwar turut menggalakkan syarikat beras Malaysia untuk mempertimbangkan pilihan bagi mengimport beras dan gajus dari Kemboja.

“Hun Sen ada memberitahu tentang kejayaan pengeluaran beras di Kemboja. Saya tahu ia bukanlah sesuatu yang mudah, namun mereka berjaya mening-

katkan penghasilannya.

“Jadi, saya mahu menyeru kepada syarikat Malaysia yang mengimport beras untuk mempertimbangkan pilihan mendapatkan beras dan gajus dari Kemboja,” ujarnya.

Terdahulu, ketibaan Anwar di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh disambut Menteri Kanan Tugus-Tugas Khas Kemboja bagi Hal Ehwal Islam Datuk Dr. Othman Hassan selaku Menteri Pengiring mewakili kerajaan Kemboja.

Dalam rangka lawatan tersebut, Perdana Menteri dijadual mengadakan kunjungan menghadap ke atas Raja Kemboja, Raja Norodom Sihamoni.